

08 MAR 2001

Chua-Lawatan

LAWATAN KE JORDAN DAN IRAQ ERATKAN KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng akan melakukan lawatan rasmi ke Jordan dan Iraq selama enam hari bermula 13 Mac ini bertujuan mengeratkan jalinan kerjasama dalam bidang kesihatan dan perubatan bagi manfaat ketiga-tiga negara.

Chua berkata lawatan ke Iraq terutamanya akan membolehkan pihaknya melihat dengan lebih dekat keadaan sebenar bidang kesihatan di negara itu.

"Menerusi lawatan itu kita dapat tentukan keperluan mereka dan cuba sedaya upaya membantu mereka. Kita tahu mereka ketinggalan dalam perkhidmatan kesihatan disebabkan oleh sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak 1990," kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Chua juga berkata wakil sektor swasta yang menyertai rombongan itu juga berpeluang meninjau peluang pelaburan dan perdagangan di Iraq dalam bidang farmaseutikal, perubatan dan alat perubatan.

Beliau berkata lawatan itu dijangka menghasilkan kerjasama dalam bidang latihan program berkembar dan seminar saintifik.

Beliau berkata Jordan pula sudah menubuhkan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia dengan menubuhkan kolej atau Universiti Malaysia-Jordan secara usahasama di negara itu.

Chua berkata pihaknya berpendapat cadangan itu boleh memberi faedah kepada kedua-dua negara yang memerlukan lebih ramai tenaga mahir dalam bidang fisioterapi dan terapi pekerjaan.

Rombongan itu terdiri daripada 40 orang termasuk enam pegawai kanan kementerian, wakil tiga universiti tempatan, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), syarikat farmaseutikal dan peralatan perubatan, Persatuan Doktor Islam Malaysia dan media massa.

Rombongan itu akan berada di Jordan selama dua hari dan di Iraq selama empat hari.

-- BERNAMA

SHS ZS AKD